

CUTI AM

1. PENGENALAN

Cuti am diistilahkan sebagai cuti umum, cuti kebangsaan, hari kelepasan am atau cuti undang-undang. Cuti am ditetapkan oleh undang-undang dan biasanya hari tidak bekerja dalam setahun. Cuti boleh berlaku pada hari tertentu dalam setahun, terikat kepada beberapa hari dalam seminggu dalam satu bulan tertentu atau mengikuti sistem kalendar lain seperti takwim qamari.

2. CUTI AM DI DUNIA

Cuti umum adalah penting bagi setiap negara di dunia. Semua negara di dunia mempunyai cuti am mengikut kepentingan negara berkenaan. Berdasarkan Sheth (2018), senarai negara yang paling banyak mempunyai cuti umum adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Negara Yang Paling Banyak Mempunyai Cuti Umum

Kedudukan	Bilangan Cuti Umum	Negara
1	28	Cambodia
2	25	Sri Lanka
3	21	India, Kazakhstan
4	18	Colombia, Philippines, Trinidad and Tobago
5	17	China, Hong Kong
6	16	Thailand, Turkey, Pakistan
7	15	Japan, Malaysia, Argentina, Lithuania, Sweden
8	14	Indonesia, Chile, Slovakia
9	13	South Korea, Austria, Belgium, Norway, Taiwan, Nepal
10	12	Finland, Russia
11	11	Singapore, Italy, Denmark, France, UAE, Morocco, Czech Republic, Luxembourg

Sumber: Sheth, K melalui World Atlas

Mengikut senarai di atas, negara yang paling banyak mempunyai cuti umum ialah Cambodia dan paling sedikit ialah negara Singapura, Italy, Denmark, France, Morocco, Republic Czech dan Luxembourg.

Cuti Am di Malaysia terdapat 2 situasi iaitu di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri. Peringkat kebangsaan merangkumi semua cuti yang digazetkan oleh kerajaan persekutuan tetapi peringkat negeri adalah merangkumi cuti umum

yang lain atau tambahan di negeri masing-masing. Di sektor swasta pemberian cuti am dikuatkuasakan melalui undang-undang. Undang-undang yang dikenalpasti ialah Akta Kerja 1955 dan Akta Hari Kelepasan Am 1951.

Negara-negara di dunia memberi cuti umum atau hari tidak bekerja kepada rakyat di negara masing-masing berdasarkan kepada kedaulatan pemimpin, agama dan sejarah. Kedaulatan pemimpin memainkan peranan utama bagi mencapai kedaulatan, kejayaan dan pembangunan sesebuah negara. Di Malaysia pemimpin utama ialah Yang Dipertuan Agong dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa kedaulatan Persekutuan itu terletak pada Raja-Raja Melayu. Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu dinyatakan oleh Perjanjian Negeri 1948 adalah seperti yang dimiliki oleh Raja-Raja Melayu pada 1 Disember 1941 yang terakam dalam Laporan Suruhanjaya Reid. Maka Malaysia telah mengistiharkan cuti umum pada 8 Jun sebagai hari Keputeraan Agong setiap tahun bermula pada tahun 2020 untuk mendaulatkan pemimpin negara ini. Begitu juga negara Thailand juga mempunyai institusi beraja dan pada 3 Jun pada setiap tahun diistiharkan sebagai cuti keputeraan negara berkenaan.

Kesemua negara di dunia ini memberi cuti umum untuk upacara keagamaan di negara masing-masing. Hampir separuh daripada cuti umum yang diberikan adalah kerana agama yang dianuti oleh sesebuah negara berkenaan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penduduk Malaysia beragama Islam pada tahun 2010 ialah 60%, Budha 21%, Kristian 9.2%, Hindu 6.4% dan lain-lain agama 2.8%. Oleh kerana penduduk Malaysia berbilang agama maka setiap kaum dapat merayakan cuti am mengikut agama masing-masing. Contoh lain di Kemboja cuti umum yang diumumkan adalah 28 hari setahun dan kebanyakan cuti berkenaan adalah berkaitan dengan agama iaitu Buddhisme.

Peristiwa bersejarah menjadi salah satu keadaan untuk mewujudkan cuti umum di sesebuah negara. Pentingnya sejarah dalam sesebuah negara itu ialah untuk mengingati masa silam, memupuk semangat patriotism, mengetahui kejayaan bangsa dan negara serta menghargai, memelihara serta kedaulatan negara. Contohnya di Malaysia pada 31 Ogos setiap tahun diistiharkan cuti umum untuk mengingati negara bebas daripada taklukan penjajah British. Manakala di Indonesia cuti kemerdekaan pada 17 Ogos setiap tahun kerana untuk mengingatkan perjuangan mendapatkan kemerdekaan daripada Belanda.

Peringkat antarabangsa juga mengingatkan sejarah tentang kejayaan ekonomi dan sosial bagi pergerakan pekerja. Pada tahun 1880–an beberapa negara di dunia telah membuat tuntutan dan hak pekerja ketika revolusi industri berkembang pesat di negara-negara barat. Oleh kerana itu, setiap negara memberi cuti hari pekerja atau hari buruh antarabangsa di setiap negara pada 1 Mei. Bagaimanapun, Kanada, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand meraikan Hari Pekerja pada tarikh yang berlainan.

RUJUKAN

Legal Research Board (2012) *Akta Kerja 1955 (Akta 265)*. International Law Book Services.

Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369)

Sheth, K (1 October 2018) Countries With the Most Public Holiday. World Atlas.

Diakses melalui <https://www.worldatlas.com/articles/countries-with-the-most-public-holidays.html>

Taklimat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Diakses melalui <https://www.jakess.gov.my/pdf/ENAKMEN/Perlembagaan%20Persekutuan%20.pdf>

Disediakan oleh:

Jabatan Perhubungan Perusahaan Terengganu

11 April 2022